WASIAT YANG BERHARGA

Janganlah seseorang daripada kamu mengharap atau meminta mati disebabkan oleh menderita kesusahan tetapi jika mesti juga melakukannya maka hendaklah kamu berdoa "Hai Tuhanku hidupkanlah aku selama hidup itu baik bagiku dan ambillah aku sekiranya mati itu adalah baik bagiku." – al-Hadis riwayat Malik

----------✳----------✳----------

(Sambungan daripada muka 3)

di sini telah lama memandang bahawa segala kejadian itu semata-mata sebagai suatu takdir jua. Kita tidak menginsafi bahawa takdir itu adalah penyerahan yang akhir sekali setelah habis segala ikhtiar kita menyampaikan tujuan-tujuan kita.

Sekalipun Muktamar Islam itu diadakan bagi seluruh dunia Islam yang bermakna segala tujuan-tujuannya itu adalah terpikul atau dipikul juga oleh kita di sini sebab kita adalah menjadi salah satu sendi daripada buruk baiknya dunia Islam ini. Kewajipan sebagai salah satu sendi itu ialah memperbaiki keadaan dan taraf kita di sini terlebih dahulu ialah menyelenggarakan rumah tangga kita sebagai anggota keluarga yang lainnya. Mudah-mudahan adanya Muktamar Islam di Karachi itu menjadi perhatian dan pandangan bukannya pada khabar tetapi pada hakikatnya iaitu sebagai suatu pertunjuk kepada kita supaya bekerja mentadbir hal ehwal kita, mengurus nasib kita supaya kelak mudah-mudahan pada suatu masa, kita akan menjadi salah satu anggota muktamar itu setaraf dengan kedudukan mereka yang menganjurkan muktamar Islam itu.

Yang demikian ini tidak suatu perkara yang mustahil kerana percayalah, Allah akan memimpin, akan memberi pertunjuk kepada kita kepada jalan yang demikian itu adanya.

Demi Allah sesungguhnya akulah orang yang setakut-takutnya di antara kamu kepada Allah dan sebakti-baktinya di antara kamu kepada-Nya tetapi aku berpuasa dan akan berbuka, aku sembahyang, aku tidur dan aku kahwin dengan perempuan-perempuan, barangsiapa tidak menurut sunatku maka bukanlah ia daripada golonganku – al-Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

----------✳----------✳----------

Tiga orang tak dikenal melainkan pada tiga keadaan- orang yang sabar pada masa marah, orang yang berani pada masa perang dan kawan pada masa dihajat – kata Arif.

----------✳----------✳----------

Manusia yang sangat kurang akalnya ialah orang yang lemah daripadanya. Maksud engkau tidak akan tercapai melainkan dengan bersusah-payah dan kemuliaan itu tidak akan tercapai melainkan dengan budi pekerti. – kata Hukama.

----------✳----------✳----------

Akalmu itu hendaklah di bawah agamamu, perkataanmu di bawah pekerjaanmu dan pakaianmu di bawah darjatmu – kata Hukama.

----------✳----------✳----------

Bejana (tempayan) diuji dengan bunyinya dan akan diketahui baiknya atau retaknya, demikian juga manusia diketahui daripada perkataannya. – kata Hukama.

----------✳----------✳----------

Orang yang bijak itu ialah yang memelihara barang yang ada padanya dan tidak mengundurkan pekerjaan hari ini kepada esok harinya. – Hukama.

----------✳----------✳----------

Hai orang-orang yang beriman jika kamu taat kepada mereka-mereka yang kafir maka mereka akan menarik kamu berputar di belakang – Jadi kamu akan berpaling kepada kerugian. Allah itu Tuhan kamu dan ialah sebaik-baik penolong bagi kamu – al-Quran.

----------✳----------✳----------